

KRITIKAN SOSIAL DALAM LIRIK LAGU DIKIR BARAT

Norhafidah Binti Ibrahim, Norzaliza Binti Ghazali, NorAsyikin Binti Ibrahim

¹ Pensyarah, Pusat Pengajian Bahasa, Falsafah dan Tamadun, Universiti Utara Malaysia, Kedah.

² Pensyarah, Pusat Pengajian Bahasa, Falsafah dan Tamadun, Universiti Utara Malaysia, Kedah.

³ Pusat Pengajian Bahasa, Falsafah dan Tamadun, Universiti Utara Malaysia, Kedah.

Accepted date: 30 October 2017

Published date: 14 April 2018

To cite this document:

Ibrahim, N. B., Ghazali, N. B., & Ibrahim, N. B. (2018). Kritikan Sosial Dalam Lirik Lagu Dikir Barat. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 3(9), 15 - 24.

Abstrak: Dikir barat merupakan kesenian yang sangat terkenal di negeri Kelantan dan amat diminati oleh pelbagai lapisan masyarakat khususnya masyarakat Melayu. Penciptaan lirik-lirik lagu dikir barat bukanlah sekadar nyanyian tempelan untuk berhibur. Kajian dilakukan bertujuan untuk mengenal pasti dan menjelaskan aspek kritikan sosial yang diterapkan dalam lirik lagu dikir barat. Kajian ini melibatkan analisis kandungan lirik-lirik lagu dikir barat nyanyian Halim Yazid dan Cikgu Naim. Lirik-lirik lagu dikir barat yang dicipta banyak memaparkan isu-isu semasa yang berkaitan dengan kehidupan atau peristiwa yang berlaku dalam sesebuah masyarakat hasil daripada pengalaman ataupun melalui pemerhatian pendikir. Kritikan sosial yang terdapat dalam lirik-lirik lagu dikir barat ini bertujuan untuk menegur individu atau masyarakat secara halus agar mereka yang menjadi sasaran kritikan tidak tersinggung. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan melakukan penganalisan data-data daripada teks lirik lagu dikir barat nyanyian Halim Yazid dan Cikgu Naim. Kajian ini memberi fokus terhadap kritikan sosial yang melibatkan sikap pemimpin, sikap masyarakat, sikap golongan remaja dan juga semangat patriotisme.

Kata Kunci: Kritikan sosial, dikir barat, pemimpin, sikap masyarakat dan patriotisme.

SOCIAL CRITICISMS IN DIKIR BARAT SONG LYRICS

Abstract: *Dikir Barat is a very famous art in the state of Kelantan that is very much loved by various levels of society, more especially among the Malay community. The creation of lyric in this local song was not merely for entertainment. This study is conducted to identify and explain the aspects of social criticism applied in the lyrics of this song. This study analyses the content of the lyric of the song by Halim Yazid and Cikgu Naim, whose lyrics addressed a number of current issues related to life or events that occur in a society through experience and observation. The social criticism contained in the lyrics aimed at reprimanding individuals or societies subtly such that the target individuals are not offended. This study uses a qualitative method which analyses data from lyric texts of this song lyrics. This study focuses on social criticism that involves the attitude of the leader, the society, the youth and the spirit of patriotism.*

Key words: *Social criticism, Dikir barat, community attitude, patriotism, song lyric*

Pendahuluan

Dikir merupakan satu cabang seni kesusasteraan yang dapat digolongkan dalam genre puisi Melayu tradisional. Puisi menurut Za'ba (1965) merupakan karangan yang berangkap khas yang dicipta melalui pemikiran menggunakan bahasa yang indah untuk menggambarkan sesuatu melalui keindahan bahasa agar dapat menarik minat pendengar untuk menghayatinya. Dikir merupakan gabungan daripada perkataan dikir dan pantun atau dikir dan karut iaitu aktiviti nyanyian secara berkumpulan yang disampaikan dalam bentuk pantun dan juga syair. Masyarakat di Kelantan lebih terkenal dengan panggilan dikir barat. Harun Mat Piah (1989) telah menggolongkan dikir sebagai puisi yang tidak terikat dengan bentuk-bentuk tertentu. Pemilihan kata dalam setiap baris serta rangkap juga berbentuk bebas. Puisi dikir pada asalnya lebih bersifat keagamaan tetapi beransur-ansur hilang unsur keagamaan sebaliknya lebih berbentuk hiburan dan amat terkenal di negeri Kelantan.

Dikir barat merupakan satu bentuk persembahan dinyanyikan secara beramai-ramai. Anggotanya terdiri daripada dua orang penyanyi utama iaitu dikenali sebagai Tukang Karut dan dibantu oleh Tok Juara serta beberapa orang lagi yang dikenali sebagai awak-awak. Tukang Karut dan Tok Juara menyanyikan lagu-lagu dalam bentuk berbalas pantun manakala awak-awak menyanyi secara beramai-ramai sambil duduk membuat ragam. Awak-awak juga berperanan sebagai suara latar yang mengiringi setiap persembahan Tukang Karut dan Tok Juara. Tukang Karut dan Tok Juara perlu bijak memilih kata-kata dan jalan cerita agar mesej yang disampaikan bertepatan dengan tema serta mudah diingati dan difahami.

Lirik merupakan salah satu aspek penting dalam sesebuah persembahan dikir barat. Lirik berfungsi menerangkan idea dan pemikiran dalam penyampaian sesebuah lagu dan kandungan yang terdapat dalam lirik kerana menyentuh aspek kehidupan masyarakat (Arba'ie Sujud, 1999). Lirik-lirik lagu dikir barat ini bukan bertujuan sebagai hiburan semata-mata malah dijadikan alat untuk menyalurkan mesej-mesej dalam bentuk penghargaan, nasihat, sindiran, pengajaran serta kritikan kepada masyarakat dan negara. Hadijah Rahmat (2006) menyatakan lirik lagu dikir merupakan sebuah karya sastera yang menggunakan bahasa sastera iaitu bahasa yang berbeza daripada bahasa-bahasa ilmiah. Lirik lagu dikir barat terhasil daripada seni

ciptaan yang terungkap melalui bahasa-bahasa indah sarat dengan mesej-mesej yang disampaikan kepada para pendengar atau kumpulan sasaran.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif untuk meneliti kritik sosial dalam lirik dikir Halim Yazid dan Cikgu Naim. Data yang dianalisis merupakan data daripada lirik lagu dikir barat yang dinyanyikan oleh Halim Yazid dan Cikgu Naim. Pemilihan ini dilakukan oleh pengkaji kerana tema dan persoalan yang dipaparkan dalam lirik lagu dikir mereka banyak menyentuh tentang masalah sosial yang berlaku dalam masyarakat. Penciptaan lirik lagu dikir barat diolah secara tersurat dan tersirat dengan pemakaian bahasa dialek Kelantan untuk menarik minat pendengar yang terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat. Bagi memantapkan kajian, pengkaji telah melakukan prosedur pertama iaitu melihat pemilihan perkataan yang digunakan oleh pengkarya dalam menyampaikan pemikirannya. Seterusnya mengenalpasti unsur sosiobudaya yang terdapat dalam lirik lagu dikir tersebut. Setelah dikenalpasti unsur sosiobudaya tersebut, proses analisis dijalankan bagi mencapai matlamat kajian.

Pendekatan sosiologi sastera iaitu satu pendekatan yang ada hubungan antara sastera dengan masyarakat digunapakai dalam kajian ini. Menurut Mana Sikana (2015) pendekatan ini mempunyai hubungan yang rapat dengan sistem masyarakat kerana memaparkan realiti sebenar kehidupan masyarakat. Paparan kehidupan masyarakat ini dilakukan melalui karya berseni dalam pelbagai bentuk lisan mahupun tulisan. Septian Cahyo Putro (2015) menyatakan sosiologi sastera merujuk kepada hubungan antara pengarang dan karyanya. Pendekatan ini bersesuaian dengan pandangan tokoh-tokoh sastera lain yang menyatakan sastera merupakan gambaran kepada kehidupan masyarakat dan pengarang bertindak sebagai pencerita yang merakam peristiwa yang berlaku dalam masyarakatnya untuk didokumentasikan sebagai karya seni. Jelasnya, sebuah karya sastera terhasil daripada pengaruh masyarakat dan sastera juga dapat mempengaruhi masyarakatnya. Wellek dan Warren (dalam Septian Cahyo Putro, 2015) telah mengklasifikasikan sosiologi sastera kepada tiga aspek utama iaitu sosiologi pengarang, karya dan peranan pembaca. Fokus kajian berdasarkan pendekatan sosiologi sastera ini ialah hubungan sastera dengan masyarakat dari sudut kritikan sosial berkaitan ekonomi, latar belakang sosial, pendidikan, budi dan sebagainya.

Sorotan Karya

Kajian tentang dikir telah dilakukan oleh Mohd Fahim Ismail, Salmah Jan Noor Muhammad dan Mohd Firdaus Che Yaacob (2016) mengkaji lirik lagu dikir yang dikatakan mengandungi banyak persoalan dan mesej yang tertentu untuk menggambarkan kehidupan sebenar masyarakat. Dalam kajian mereka, kritikan sosial yang dipaparkan ialah mengkritik golongan pemimpin yang tidak menepati janji. Karya sastera dilihat sebagai elemen penting untuk mendedahkan pelakuan masyarakat dalam kehidupan mereka samada berupa kebaikan atau membongkarkan kepincangan dalam masyarakat tersebut.

Hishamuddin Isam dan Nor Diyana (2013) dalam kajian mereka mendapati lirik lagu dikir barat banyak memaparkan masalah sosial yang berlaku dalam masyarakat. Melalui lirik lagu dikir barat ini, pendikir menyedarkan rakyat tentang masalah sosial yang berlaku di persekitaran hidup mereka. Dalam kajian yang dijalankan, mereka menggunakan dua watak binatang iaitu kucing dan itik bagi menggambarkan kritikan sosial yang berlaku dalam masyarakat. Dua watak binatang yang dipilih mempunyai ciri-ciri perwatakan manusia sebagai unsur sindiran halus agar pendengar tidak merasa tersinggung.

Hamidah Yaacob (2010) dalam kajiannya menjelaskan bahawa dikir barat merupakan satu tradisi yang diwarisi sejak turun temurun lagi oleh masyarakat Cik Siti Wan Kembang. Masyarakat Negeri Kelantan beranggapan bahawa dikir barat satu medium yang paling tepat untuk menghibur, namun mereka sedar di sebalik hiburan yang dirasakan dan dihayati terselit pelbagai mesej dan amanat yang berguna kepada mereka. Penerapan tradisi ilmu diterapkan oleh pendikir melalui gagasan lirik yang puitis dan struktur binaan yang bersistematik.

Manakala dalam kajian yang dilakukan oleh Seri Shinta Mohd Noor (2002) menyatakan bahawa dikir barat merupakan satu elemen yang sesuai untuk mendidik masyarakat menghargai nilai budaya bangsa. Penerapan elemen moral seperti menghormati orang sekeliling, berkasih sayang, prihatin, toleransi, dedikasi dan semangat kerjasama, kerajinan dan bermasyarakat. Dikir barat yang baik mengandungi pemilihan kata dan makna tersirat sesuai dijadikan wahana untuk mendidik masyarakat untuk menitikberatkan elemen ini dalam seluruh kehidupan. Pemantapan nilai moral ini dapat membentuk sebuah masyarakat yang harmoni.

Analisis Kajian

Sikap Pemimpin

Halim Yazid banyak menyanyikan lagu dikir yang berbentuk kritikan sosial yang ditujukan kepada golongan pemimpin. Beliau banyak memperjuangkan kehidupan masyarakat kampung terutama yang tinggal di kawasan pedalaman dan masih hidup dalam kemiskinan dengan kekurangan kemudahan asas seperti bekalan elektrik, bekalan air paip dan kemudahan infrastruktur seperti sekolah, klinik dan sebagainya. Kesusahan dan kemiskinan masyarakat kampung di pedalaman ini tidak dihiraukan oleh pemimpin yang dipilih oleh rakyat. Golongan pemimpin dilihat hidup dengan mewah di bandar. Ini dapat dilihat menerusi lirik-lirik lagu dikir barat yang berbunyi:

*Apa susah takdok letrik api nok wi ceroh boleh buat sediri
Kerat getoh bakar daley bledi benda mudoh pah pulok feree
Apo herey takdok air paip air sungai daley boleh pakat amik
Letey puke pikul tunggey terbalik sukor sembey ni doh jadi ralik*

(Keperitan di Rimba: Halim Yazid)

Lirik lagu dikir barat ini juga menyalurkan kritikan sosial melalui unsur sindiran yang ditujukan kepada golongan pemimpin yang tidak amanah dalam menjalankan tugas sehingga berlaku kepincangan dalam urusan pembangunan serta menimbulkan masalah sosial yang akan memberi kesan kepada perkembangan dan pembangunan masyarakat setempat. Kesusahan rakyat ini berpunca daripada sikap pemimpin yang dipilih oleh rakyat tetapi tidak menjalankan tugas yang diamanahkan dengan baik. Rakyat tidak sepatutnya dibebankan dengan kesusahan kerana kampung ini merupakan sebuah kampung rancangan yang sepatutnya dibina berdasarkan perancangan yang teliti. Hal ini dapat dihayati dalam lirik lagu di bawah:

*ini kampung tanah rancangan
dibuka tahun 80-an
ai terkisoh ikut perancangan
cukup rukuk plan pembangunan*

(Keperitan di Rimba: Halim Yazid)

Selain itu, kritikan sosial yang berkaitan dengan karenah birokrasi yang terjadi dalam urusan pentadbiran terutama yang membabitkan permohonan modal daripada mereka yang tidak dikenali. Pemberian modal diluluskan kepada golongan tertentu yang dapat menyumbangkan keuntungan kepada mereka. Wujud amalan rasuah dalam soal pemberian modal dan tender untuk projek pembangunan terutama di kawasan kampung. Ini mengakibatkan pembangunan di kawasan kampung tidak berkualiti kerana mereka mengamalkan sikap tidak amanah dalam mengendalikan projek untuk mengaut keuntungan yang lebih. Kritikan keras ini dinyatakan dalam lirik lagu dikir barat di bawah:

*Bantuan kalu ada namo sapo tuan ambik
Ambo bunyi kato, ore dok puas hati
Peruntukkan ada, bore sapa dua tiga lori
Mintak modal nego, bakpo tuan tokse bui
Nok tengok ko bangsa kita jadi prompok jadi curi
.....
Tok ngulu tok wakil sudah sokong spuluh jari
Tuan dok wat belit koho nok syarat gapo lagi
Kalu buat projek biarlah ada getek mutu
Kampung kito molek ko ho sari biarlah maju
Jangan tuan spelet lambat banget ore tahu
De ore kampung kecek, jual namapun dok laku*

(Apa Khabar Yang Berhormat: Cikgu Naim)

Sikap Masyarakat

Kritikan sosial juga turut menyentuh tentang sikap segelintir masyarakat yang beranggapan anak-anak orang miskin tidak akan berjaya dalam pelajaran. Mereka menjadikan kemiskinan sebagai alasan untuk tidak meneruskan pelajaran kerana bagi mereka menghantar anak belajar ke universiti sebagai membazir dan sia-sia kerana orang miskin tidak akan berjaya.

*Ingat malu kore warih warah dok pakat kato,
Tok soh lah dok kurban kalu tidok baso kayo
Atar sekolah anak jate wak ngabih ko hareta,
Tidak kato nok pakat rate, tolong bantu samah dua*

(Diri Ambo (Bangkit Asal 2): Halim Yazid)

Kritikan sosial turut ditujukan kepada sikap masyarakat yang lalai dengan urusan dunia sehingga mengabaikan tuntutan agama. Namun, mereka lupa bahawa setiap perbuatan samada yang baik dan buruk pasti akan mendapat balasan yang seimpal. Pada hari pembalasan ataupun hari kiamat, mereka tidak perlu menangis atau menyesali setiap dosa yang mereka lakukan kerana penyesalan pada masa itu sudah tidak berguna lagi.

*Oghe kayo oghe sesok
Keno belako tokleh nok elok
Harto ado pun jadi tak dok
Anak dighibo selegbok taghok
Toksoh duk hibo jekhik mengisok
Doso nga pahalo hok mano mu banyak*

(Sangkakala: Halim Yazid)

Kritikan sosial tentang sikap masyarakat juga terdapat dalam lirik lagu dikir barat yang bertajuk Anak Tupai. Dua aspek kritikan sosial kepada masyarakat diterapkan dalam lirik lagu dikir ini iaitu sikap menganiayai binatang dan juga peringatan kepada mereka yang melakukan kejahatan. Terdapatnya segelintir masyarakat yang suka melakukan kezaliman kepada binatang tanpa memikirkan bahawa binatang juga merupakan makhluk ciptaan tuhan.

*Bulu bulu pun habis luruh
Air mato berderai-derai
Mari daley baruh bekali
Kena racun tembakau*

(Anak Tupai: Halim Yazid)

Tupai merupakan binatang yang bersaiz kecil dan melakukan kesalahan dengan makan buah-buahan atau hasil tanaman, namun menerima hukuman berat sama ada diracun atau ditembak. Kritikan yang cuba disampaikan dalam pelambangan sifat tupai ini ialah sikap masyarakat yang suka menjatuhkan hukuman yang tidak setimpal dengan kesalahan yang dilakukan. Kritikan sosial juga berkisar tentang sikap masyarakat yang tidak akan terlepas daripada hukuman walaupun bijak menyembunyikan kesalahan atau kejahatan pada peringkat awal namun lama kelamaan akan terbongkar jua.

*Panda-panda tupai melompat
Jatoh tanoh jugok
Nak wi gambar ko oghe jahat
Jangey telajok manghok
Jangey telajok manghok*

(Anak Tupai: Halim Yazid)

Kritikan sosial turut dilakukan ke atas sikap manusia yang mementingkan diri sendiri dan tidak mempunyai pendirian yang tetap dalam membuat keputusan serta sentiasa bergantung kepada mereka yang lebih kuat. Apabila ada lagi kuasa yang lebih kuat, mereka memberi sokongan pula kepada kuasa yang lebih kuat tersebut untuk kepentingan diri mereka. Sikap manusia yang tidak tetap pendirian ini diterjemahkan atau dilambangkan sebagai pokok lalang yang mudah meliuk mengikut tiupan angin. Antara bait-bait kata dalam lirik dikir barat yang mengaitkan sifat manusia yang digambarkan melalui lirik lagu dikir barat ini ialah:

*Pherangay laley baso dio turut oghe ikut oghe kato
Ribut bereti serek hujey tengok lah sediri nasib pohon laley
koktu kokni duk blakey oghe sereba tok jadi kito tokleh tupe*

(Lalang: Halim Yazid)

Lirik lagu dikir barat yang bertajuk Mat Jenin adalah berdasarkan cerita kanak-kanak yang sangat terkenal. Umum mengetahui bahawa Mat Jenin merupakan gambaran kepada mereka yang suka berangan-angan tanpa bekerja dengan bersungguh-sungguh. Penciptaan lirik lagu dikir barat ini dilihat memaparkan kritikan sosial ke atas masyarakat yang suka berangan semasa bekerja terutama orang Melayu yang miskin. Mereka perlu sedar sifat suka berangan ini tidak mendatangkan kebaikan malah boleh mengundang padah.

*Mat Jenin sesok tok dok gapo
Khayaley tinggi nok nikoh denga anak rajo
Suatu hari pun buat kijo
Pohon nyiur tinggi dio naik kohok-kohok*

.....
*Mat Jenin naik nyo dio tok khabar
Pohon Nyiur tinggi dekatnyo nok sapai
Acu perhati tangeynya nok capai
Pelepah nyiur kering
Nok turun ikut jutai*

(Mat Jenin: Halim Yazid)

Jika dilihat dari sudut positif, angan-angan yang terkandung dalam fikiran Mat Jenin begitu teratur dan tersusun iaitu bermula dengan perniagaan kecil sebelum menjadi peniaga yang berjaya. Kejayaan pasti akan mengiringi orang yang bersungguh-sungguh dalam melakukan setiap perkerjaan.

*Jual semua lembu boleh beli kudo
Pero biak selalu setahon seratus ekor
Kalau juol pun laku denge hargo sejuto
Akulah anak Melayu terkenal di dunia*

(Mat Jenin: Halim Yazid)

Seterusnya, lirik lagu dikir yang bertajuk Sungai Kelang merupakan kritikan sosial ke atas sikap masyarakat Melayu yang mudah menerima pembangunan tanpa memikirkan masalah yang akan mereka hadapi ataupun kerugian yang terpaksa ditanggung kesan daripada pembangunan yang dilakukan oleh pihak lain. Mereka mudah berpuas hati mendapat sesuatu walaupun mengorbankan sesuatu yang lebih berharga. Sungai Kelang digambarkan sebagai sesuatu harta yang asalnya menjadi milik masyarakat Melayu namun semakin hilang fungsinya kerana pembangunan yang dilakukan oleh orang asing. Orang Melayu masih boleh tersenyum dan hidup selesa tanpa menyedari kehilangan atau kemusnahan sesuatu yang pernah menjadi milik mereka.

*Sunga tahu sejarah awal
Oghe melayu lah tue punyo hok asa
Sebelum maghi oghey lua
Sunga ni lawa*

(Sungai Kelang: Halim Yazid)

Kemajuan sesebuah negara mahupun bangsa bergantung kepada hubungan yang wujud dalam sesebuah masyarakat. Pendikir mengkritik sikap orang Melayu yang suka mengamalkan sikap individu dan bertengkar sesama sendiri berbanding dengan bangsa lain yang hidup bersatu padu. Satu lagi sikap orang Melayu yang dikritik ialah mudah menerima berita ataupun sesuatu perkhabaran tanpa menyiasat kebenarannya.

*Bangso lain hidup bersatu,
Kita baloh samo sekampung,
Bangso lain koho maju,
Bangso kita masih mundur,
Oghe kecek cayo selalu,
Hangguk palo mace Jepun*

(Dilema Melayu Kita: Cikgu Naim)

Selain itu, wujud jurang perbezaan ekonomi yang ketara antara bangsa Melayu dengan bangsa lain berpunca daripada sikap bangsa Melayu yang sukar menerima pembaharuan. Perbezaan ini dinyatakan dengan jelas dalam lirik berikut:

*Keto oghe keto Mercedeh,
keto kito Morris Minor,
Keto oghe asap nipih,
Keto kito asap bungo,
Keto oghe idup denge suih,
Keto kito mapuh tolok sokmo,
Beli baru takdok pitih,
Beli berah pun hute sokmo,
Dilemo...Dilemo...Dilemo Melayu kito.*

(Dilema Melayu Kita: Cikgu Naim)

Semangat Patriotisme

Semangat patriotisme bukan sahaja memperjuangkan kebebasan penjajahan di tanah air tetapi melibatkan perjuangan hak bangsa Melayu daripada dicerobohi oleh bangsa asing. Rentetan ini menyaksikan penulis lagu dikir barat menerapkan kritikan sosial bertujuan memupuk semangat perjuangan dan mempertahankan hak mereka. Masyarakat Melayu kebanyakannya masih berada di takuk lama dan mereka tidak merebut peluang dalam pembangunan negara sebaliknya berpuas hati dengan apa yang mereka miliki. Ini menyebabkan bangsa Melayu jauh ketinggalan dalam semua bidang berbanding dengan bangsa lain.

*Tahun 2001 budaya Melayu segar berkembey
Tahun 2001 budaya Melayu segar berkembey
Kito jago janga wi layu toksey wi punoh ditangey oghe
Masuk melangkah ke alaf baru berdayo saing ngan bangso oghe*

(2001Tahun Cabaran: Halim Yazid)

Lirik ini menyeru masyarakat menjaga maruah bangsa dan negara daripada dimusnahkan oleh orang luar. Selain itu kritikan sosial ditujukan kepada mereka supaya mempunyai semangat untuk berdaya saing dengan bangsa lain dalam pelbagai bidang agar mereka standing dengan bangsa lain. Rakyat sepatutnya berbangga dengan pencapaian dan kemampuan yang dicapai oleh rakyat negara ini dalam pelbagai bidang sehingga mampu menjadi contoh kepada negara lain. Kritikan sosial ini disampaikan menerusi lirik lagu dikir barat seperti di bawah:

*Tahun 2001 kito maju disegenap bidey
Tahun 2001 kito maju disegenap bidey
Teknologi besi dan kayu hinggolah sapa wat kapal terbey
Negara lain banyok nak tighu ambik wat coto jadi panduey*

*Tahun 2001 kita maju dalam segenap bidang
Tahun 2001 kita maju dalam segenap bidang
Toknologi besi dan kayu hingga sampai buat kapar terbang
Negara lain banyak dah nak tiru ambik buat contoh jadi panduan.
Tahun 2001 kita maju dalam segenap bidang*

*Toknologi besi dan kayu hingga sampai buat kapar terbang
Negara lain banyak dah nak tiru ambik buat contoh jadi panduan.*

(2001 Tahun Cabaran: Halim Yazid)

Nilai patriotisme dalam kalangan generasi yang lahir selepas kemerdekaan semakin luntur terutama golongan remaja. Semangat cinta akan negara dan keinginan untuk mengekalkan keamanan dilihat tidak begitu dihiraukan oleh generasi muda. Oleh itu, unsur semangat patriotisme diterapkan melalui nyanyian dikir barat kerana dikir barat dilihat mampu berperanan sebagai medium dalam menerapkan unsur ini dengan lebih baik. Antara isu yang dibawa dalam lirik lagu ini ialah mengkritik masyarakat Melayu yang masih mempertahankan cara hidup lama dan enggan menerima perubahan yang dijalankan menyebabkan orang-orang Melayu terus ketinggalan dalam semua aspek pembangunan berbanding dengan bangsa lain. Perkembangan ekonomi orang Melayu juga perlahan dan tidak dapat menandingi kaum lain yang jauh ke hadapan. Fenomena ini berlaku berpunca daripada sikap mereka yang mudah berpuas hati dengan apa yang mereka perolehi dan miliki tanpa berusaha untuk merebut peluang yang ada bagi membaiki taraf kedudukan mereka dengan bangsa lain.

*Apa erti kemerdekaan,
Bagi umat Melayu kito,
Tak boleh terima perubahe,
Anak cucu berputih mato,
Orang lain rebut peluwe,
Sanggupkah tengok sajo,
Masa tetap berjale,
sesaat tak tunggu kito,
Dilemo..Dilemo...Dilemo Melayu kito.*

(Dilema Melayu Kita: Cikgu Naim)

Keamanan negara yang di kecapi pada hari ini merupakan usaha-usaha yang berterusan daripada pejuang-pejuang terdahulu yang berjuang membebaskan negara daripada penjajah. Oleh itu rakyat seharusnya menghargai jasa mereka dengan mempertahankan kemerdekaan ini. Kritikan sosial dalam lirik lagu dikir barat Tok Janggut bertujuan mengingatkan masyarakat yang telah lupa perjuangan bangsa Melayu menentang penjajah. Masyarakat perlu mempunyai keberanian dalam mempertahankan kebenaran dan hak mereka. Keberanian yang terkandung dalam lirik lagu dikir barat ini boleh dijadikan sebagai contoh dan teladan kepada generasi baru dalam usaha menyemai semangat cintakan negara. Rakyat sepatutnya meletakkan negara sebagai maruah atau harga diri yang perlu dijaga dan dipertahankan sehingga nafas terakhir.

*Namo Tok Janggut Haji Mat Hasan
Sejarah menyebut sebagai pahlawan
Lawey penjajoh dibumi sediri
Tidok menyeroh sekali-kali*

*Bertumpah daroh hinggo ke mati
Jago maruoh Melayu jati
Bertumpah daroh sampai ke mati
Jago maruoh Melayu jati*

(Tok Janggut: Halim Yazid)

Kesimpulan

Lirik lagu dikir barat yang dinyanyikan oleh Halim Yazid dan Cikgu Naim mampu memberikan mesej yang berguna kepada masyarakat. Kritikan sosial ke atas pemimpin, sikap masyarakat dan remaja, semangat patriotisme yang kian luntur wujud hasil kepincangan dalam masyarakat. Kritikan dalam lirik lagu dikir ini menggunakan bahasa kreatif dengan menerapkan unsur sindiran, nasihat, pelambangan dan teguran bagi mengubah atau menyedarkan individu dan juga masyarakat dalam sesuatu tindakan mereka. Halim Yazid merupakan seorang penulis puisi, jadi tidak hairanlah beliau bijak bermain dengan kata-kata dalam penciptaan lirik lagu dikir barat. Lirik lagu dikir barat beliau banyak membawa nasihat dan pengajaran yang dapat dijadikan pedoman oleh masyarakat. Secara tidak langsung masyarakat dapat pendidikan sambil berhibur. Cikgu Naim pula merupakan seorang pendidik dan sering menerapkan unsur pengajaran dalam lirik lagu dikirnya. Secara tidak langsung, masyarakat mendapat pendidikan sambil berhibur.

Rujukan

- Arba'ie Sujud. (1999). Estetika dalam lirik lagu nyanyian P. Ramlee. Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan. Universiti Putra Malaysia.
- Arba'ie Sujud, Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi & Asiah Abdul Rahman. (2011). *Sastera Melayu suatu pengantar*. Kuala Lumpur: Tinta Press.
- Azmi Mohd Nasir. (2011). Aspek nasihat dalam dikir barat. Dalam Abdullah Zakaria Ghazali. (Ed.). *Warisan Kelantan xxv*. Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.
- Hadijah Rahmat. (2006). *Peranan dan perkembangan sastera kanak-kanak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hamidah Yaacob. (2010). Hiburan tradisional Kelantan. Dalam Khoo Kay Lim. (Ed.). *Beberapa aspek warisan Kelantan*. Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.
- Harun Mat Piah. (1998). *Puisi Melayu tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Musa. (2008). *Hati budi Melayu*. Selangor: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Hishamudin Isam & Nor Diyana Saupi. (2013). Kekayaan unsur anthropomorphisme dalam lagu dikir. Analisis berdasarkan linguistik kognitif. *Jurnal Rampak Serantau*, 20 April, 1-14.
- Mohd Fahim Ismail. (2013). Unsur estetika dan perjanjian dalam lirik dikir barat Halim Yazid. Tesis Ijazah Sarjana Muda yang tidak diterbitkan, Universiti Putra Malaysia.
- Mohd Fahim Ismail, Salmah Jan Noor Muhammad & Mohd Firdaus Che Yaacob. (2016). Unsur amanat dan impak lirik dikir barat Halim Yazid. *International Journal of language education and applied linguistics (IJLEAL)* Vol. 4, 67-80.
- Seri Shinta Mohd. Noor. (2002). Nilai moral dalam kesenian dikir barat Kelantan. Tesis Ijazah Sarjana Muda yang tidak diterbitkan. Universiti Putra Malaysia.
- Shannon Ahmad. (1991). *Sastera sebagai seismograf kehidupan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Abdul Kadir. (1988). *Budaya popular dalam masyarakat Melayu bandaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.